



PESERTA.... Para peserta bersama Mohd Idremizan (enam dari kanan) selepas berakhirnya program dua hari itu di UMS-KAKL.

# 50 peminat fotografi dari Sabah, Brunei dan Labuan jayakan program Street Camp

NST 22.12.2011 //

**LABUAN:** Seramai 50 peserta kumpulan fotografi dari Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Brunei Darulsalam menyertai program Street Camp anjuran Jebat.Net Fotografi Kota Kinabalu Sabah selama dua hari di sini yang berakhir pada Ahad lalu.

Pengasas Jebat. Net, Mohd Idremizan Idris berkata, mereka membabitkan para peserta dari kumpulan Komuniti Geng Kaki Foto (GFK) Labuan, Kelab Fotografi Universiti Malaysia Sabah-Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Komuniti Jebat.Net Sabah dan Unplan Crew Brunei Fotografi Jalanan.

Katanya, program tersebut adalah merupakan aktiviti bulanan yang menjadi salah satu kalender aktitiviti tahunan Jebat.Net, yang bertujuan untuk mendedahkan para peserta mengenai asas teknik fotografi jalanan.

"Setiap peserta diberikan tugas mer-

akam gambar selama tiga jam disekitar bandar Labuan dan hasil daripada rakanman itu akan dinilai oleh tiga orang penilai yang dipilih bagi menilai sejauh mana kebolehan dan kefahaman mereka menggunakan kemera untuk merakam gambar secara betul" katanya ketika ditemui pada program itu.

Mohd Idremizan berkata, tiga orang ahli panel yang telah dipilih untuk menganalisa dan mengadili rakaman gambar tersebut ialah Yacob Ali Hassan dari Uplan Crew Brunei Fotografi Jalanan, Mohd Yuszren dari Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dan beliau sendiri.

Beliau turut menjelaskan pada bulan Januari 2012 Jebat.Net Fotografi akan mengadakan program yang sama di Negera Brunei Darulsalam. -OLEH JAIN-UDIN DJIMIN ([jainuddin@newsabah-times.com.my](mailto:jainuddin@newsabah-times.com.my))